

Sistem pembetungan negara diswastakan

U.M 10DEC1993



Oleh
AHMAD ABDUL HAMID dan ABDUL RAZAK DIN

LANGKAWI 9 Dis. — Sebuah konsortium akan mengambil alih tanggungjawab operasi, pengubahsuaian dan penyelenggaraan sistem pembetungan awam negara yang meliputi 1,900 loji pembersihan daripada 143 badan penguasa tempatan negeri.

Projek penswastaaan raksasa ini akan merevolusikan sistem pembetungan yang selama ini dikendalikan oleh kerajaan-kerajaan negeri dan tempatan.

Sistem pembetungan selama ini hanya dapat memberi perkhidmatan kepada satu pertiga keperluan negara. Baki kumbahan selainnya disalurkan ke sungai-sungai, mengakibatkan pencemaran sungai-sungai dan

lautan, seterusnya merosakkan kesihatan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menyaksikan upacara menandatangani perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dengan pihak konsortium berkenaan memberi jaminan bahawa projek ini apabila terlaksana tidak akan membebankan rakyat.

Kadar sebenar bayaran bagi setiap pengguna akan ditaksirkan mengikut kadar penggunaan air bulanan dan bil berkenaan dikeluarkan oleh Jabatan Bekalan Air negeri-negeri.

"Kita akan mengenakan bayaran yang serendah mungkin bagi menampung perbelanjaan

■ Lihat muka 2

Sistem pemetungan negara diswastakan

UM 10 DEC 1993

projek penswastan yang besar ini," katanya.

Beliau membayangkan bahawa pengguna akan dikenakan caj antara RM2 hingga RM10 bagi setiap rumah bergantung kepada penggunaan air.

Dr. Mahathir berkata, buat permulaan sistem ini akan dilaksanakan di Langkawi dan seterusnya empat kawasan utama iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Port Dickson dan Labuan.

"Dengan pelaksanaan sistem ini juga Kerajaan Persekutuan akan mengambilalih semua aset pemetungan daripada pihak berkuasa negeri dan tempatan dan seterusnya di pajakkan kepada Indah Water," tegasnya.

Beliau berkata, projek ini diharap dapat mengurangkan masalah pencemaran yang semakin serius akibat kegagalan sistem yang dilaksanakan sebelum ini.

Menurutnya, melalui projek ini semua sistem pemetungan akan diselaraskan dan diuruskan mengikut kaedah serta teknologi terkini bagi memastikan kehidupan manusia dan alam sekitar sentiasa sihat.

Beliau berkata, masalah yang dihadapi dalam sistem pemetungan negara ialah kurangnya infrastruktur pengawasan yang kini keseluruhannya mempunyai 4,000 kilometer pemetungan dan 1,900 loji pembersihan.

Di samping itu hanya 46 peratus daripada loji berkenaan disambungkan dengan rangkaian.

Menurutnya, melalui penswastan ini, Indah Water Konsortium Sdn. Berhad akan menyumbangkan teknologi terkini untuk sistem berkenaan, dimodenkan serta mempunyai sistem yang serupa di kawasan yang belum ada.

Mengenai jumlah pekerja yang terlibat beliau berkata, keseluruhannya dianggarkan 2,000 orang termasuk 800 orang kakitangan kerajaan tempatan.

Sementara itu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr. Ting Chiew Peh berkata, penglibatan Indah Water bukan sahaja dapat mengatasi masalah pencemaran alam sekitar dan sumber air akibat kumbah-

an najis, bahkan rakyat jelata akan dapat menikmati perkhidmatan yang lebih cekap, profesional dan lebih berkesan dengan bayaran yang berpatutan.

"Saya berharap pihak berkuasa tempatan akan bekerjasama untuk mempercepat dan melicinkan proses pengambilalihan tersebut supaya projek penswastan ini berjaya," ujarnya.

Pengerusi Eksekutif Indah Water, Datuk Ghazi Haji Ramli berkata, projek yang akan mengambil masa 28 tahun itu akan dibiayai sama ada dari sumber dalaman atau pinjaman.

Beliau yang juga Pengarah Eksekutif Kumpulan Berjaya Berhad berkata, Indah Water adalah konsortium yang dimiliki 55 peratus bumiputera dengan North West Water (M) Sdn. Bhd. mempunyai ekuiti 25 peratus; Lembaga Tabung Angkatan Tentera 20 peratus, Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad 20 peratus, Berjaya Industrial Berhad 20 peratus dan AIMS Worldwide (M) Sdn. Bhd. 15 peratus.

Kumpulan North West adalah syarikat yang berpangkalan di United Kingdom mempunyai kepakaran yang tinggi dalam pembersihan air.

Indah Water telah diperbadankan tahun 1991 dengan modal yang dibenarkan sebanyak RM100 juta.

Pada masa kini aktiviti utama Indah Water ialah merancang, merekacipta dan membina sistem pembentangan.

Di samping itu ia juga mengurus, operasi dan mengawalselia sistem pemetungan.

Ghazi berkata, antara perkhidmatan yang ditawarkan termasuklah operasi sistem loji, kerja-kerja pembersihan, membina loji, meningkatkan pemetungan sekarang dan menggunakan teknologi yang terkini.

"Selepas 28 tahun kita akan menyerahkan kembali projek berkenaan kepada kerajaan," ujarnya.